

---

## BAHAGIAN PERUBATAN

---

## Bahagian Perubatan

---

### RINGKASAN EKSEKUTIF

Bahagian Perubatan merupakan satu bahagian di bawah pentadbiran Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (JKWPKL&P). Bahagian ini diketuai oleh seorang Timbalan Pengarah Kesihatan (Perubatan) dan 17 penjawat awam.

Bahagian ini mempunyai tiga fungsi utama iaitu penyelarasan teknikal perkhidmatan rawatan perubatan dan pengawasan pengurusan hospital, penyelarasan pasukan perlindungan perubatan untuk Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan juga perlesenan dan penguatkuasaan perkhidmatan kesihatan dan perubatan hospital swasta. Bahagian ini juga mempunyai sebuah hospital dibawah pentadbirannya iaitu Hospital Putrajaya (HPJ). Hospital Putrajaya merupakan hospital berpakar yang mempunyai bilangan katil sebanyak 272 buah.

Bahagian Perubatan mempunyai 5 unit iaitu:

- **Unit Pengurusan Hospital** yang bertanggungjawab untuk mengawalselia HPJ.
- **Unit Rekod Perubatan** yang merangkumi aktiviti pengurusan rekod perubatan, pengurusan lembaga perubatan, pengurusan statistik hospital, klinik-klinik kesihatan dan juga hospital / rumah bersalin swasta dan aspek lain yang berkaitan dengan fungsi unit ini sebagai pengurus maklumat bahagian perubatan.
- **Unit Kualiti** yang bertanggungjawab untuk menyelaraskan kajian serta projek-projek insentif kualiti di peringkat Jabatan.
- **Unit Kawalan Amalan Perubatan Swasta (UKAPS)** pula bertanggungjawab untuk memantau dan melaksanakan penguatkuasaan terhadap fasiliti penjagaan kesihatan / perubatan swasta di WPKL&P.
- **Unit Perlindungan Perubatan** yang bertindak sebagai Urusetia Jawatankuasa Induk bagi menyelaraskan pasukan perlindungan perubatan untuk acara-acara rasmi dan tidak rasmi diperingkat antarabangsa, kebangsaan dan juga tempatan.

### 3.0 PENGENALAN

Bahagian Perubatan ialah merupakan salah satu bahagian di bawah pentadbiran JKWPKL&P.

Fungsi Utama:

- Menyediakan dan melaksanakan aktiviti-aktiviti perkhidmatan perubatan yang menyeluruh melalui penjagaan berterusan dari peringkat akut hingga ke peringkat rehabilitasi melalui kakitangan yang terlatih, teknologi yang bersesuaian serta sumber yang optima,
- Menggalakkan promosi dan penjagaan sendiri kesihatan individu dan masyarakat.
- Memantau dan memastikan pengawalan dan pengawalselian kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta mengikut Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586) dan Perlesenan Tenaga Atom (Akta 304).
- Menyelaraskan pasukan perlindungan Perubatan bagi acara-acara rasmi dan tidak rasmi kebangsaan dan antarabangsa di kawasan pentadbiran Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya.
- Menyelaraskan permohonan Lembaga Perubatan di peringkat negeri.

**Jadual 1:** Anggota-anggota Bahagian Perubatan, 2008

Bil.	Jawatan	Nama
1.	Timbalan Pengarah Kesihatan (P) UD54	Dr Supathiratheavy a/p Rasiah
2.	Ketua Penolong Pengarah Kanan UD52	Dr Kaleirani a/p Seenivasagam
3.	Ketua Penolong Pengarah UD51 (Kontrak)	Dr Sivashunmugam a/l Subramaniam
4.	Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan) N41	Nawal Safwati bt Mohd Pauzi
5.	Penyelia Jururawat U36	Matron Maimunah Ahmad
6.	Penolong Pegawai Perubatan U36	Abd Rahim b. Abu Samah
7.	Penolong Pegawai Perubatan U36	Mohan a/l Chitran
8.	Penolong Pegawai Perubatan U32	Hj. Jamaluddin b. Ismail
9.	Penolong Pegawai Perubatan U32	Nor Sarizan Dollah
10.	Penolong Pegawai Perubatan U32	Ahmad Shofi b. Osman
11.	Ketua Jururawat U32	Shafridah bt Muslim
12.	Ketua Jururawat U32	Raha Math Bivi Raja Mohamed
13.	Pembantu Tadbir N17	Noor Hafeeza bt Abd Satar
14.	Pembantu Tadbir N17	Abd Halim Zakaria
15.	Pembantu Tadbir N17	Ahmad Shukron b. Idris
16.	Pembantu Perawatan Kesihatan	Sarash Annamalai
17.	Pemandu	Luqman Hakim
18.	Pembantu Tadbir (P/O Sambilan)	Mohammad Hisham b. Anuar

### 3.1 UNIT PENGURUSAN HOSPITAL

#### 3.1.1 Pengurusan Hospital di Peringkat JKWPKL&P

Skop Perkhidmatan:

1. Pengurusan Borang dan Sijil Amalan Tahunan Jururawat.
2. Pengurusan penempatan jururawat yang melapor diri.
3. Pengendalian kursus / latihan untuk anggota JKWPKL&P seperti berikut:
  - 3.1 Latihan anggota Pembantu Perawatan Kesihatan Tahap 1 dan 2.
  - 3.2 Latihan *Basic Life Support* untuk anggota Perubatan di klinik klinik kesihatan dan Hospital Putrajaya.
  - 3.3 Mengendalikan kursus pemandu ambulan.
4. Memberi taklimat kepada anggota baru (Jururawat dan Penolong Pegawai Perubatan) yang melapor diri ke bahagian perubatan.
5. Menjadualkan lawatan penyeliaan dan pemantauan ke HPJ dua kali sebulan.
6. Menghantar laporan bulanan kejururawatan ke Bahagian Kejururawatan, KKM.
7. Menguruskan lawatan delegasi dari Thailand.

**Jadual 2:** Jumlah Penempatan / Pengisian Jururawat di HPJ, 2008

Bil.	Jawatan	Peruntukan	Masuk	Keluar	Pencen	Jawatan Dipenuhi	Jawatan Kosong
1.	Jururawat U41/42	1	0	0	0	0	1
2.	Jururawat U42	1	0	0	0	0	1
3.	Jururawat U41/42	4	0	0	0	1	3
4.	Jururawat U36	1	0	0	0	1	0
5.	Jururawat U32/31	30	28	0	0	28	2
6.	Jururawat U29	448	0	0	0	397	51
7.	Jururawat U24/22	3	1	0	0	3	0
8.	Jururawat U19	114	0	4	1	104	10

- Bilangan Jururawat Lelaki: 2 orang.
- Bilangan Jururawat yang mempunyai kursus kebidanan: 69 orang.
- Bilangan Jururawat Cuti Tanpa Gaji: JT (6 orang).
- Bilangan Jururawat Kontrak: 2 orang (1 orang dipinjamkan ke KKM).
- Bilangan Jururawat yang dipinjamkan ke Bhg. Perubatan, JKWPKL&P: 1 orang.

## 3.2 UNIT REKOD PERUBATAN


### 3.2.1 Pencapaian Hospital Putrajaya Tahun 2008

**Jadual 3:** Penggunaan Katil di HPJ

Tahun	Jumlah Katil	Jumlah Kemasukan	Purata Harian Bilangan Kemasukan	Kadar Penggunaan Katil (%)
2005	272	19,295	52.86	65.34%
2006	272	18,702	51.24	60.26%
2007	272	18,909	51.81	58.78%
2008	272	21,319	58.25	65.00%

Jumlah kemasukan pesakit pada tahun ini semakin meningkat iaitu seramai 21,319 berbanding tahun 2007 iaitu 18,909. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 2,410 atau 12.74%

**Rajah 1:** Kadar Penggunaan Katil (%) di HPJ, 2005-2008




Peningkatan jumlah kemasukan pesakit juga telah memberi kesan kepada peningkatan BOR (*Bed Occupancy Rate*) iaitu mencatatkan 65% pada tahun 2008 berbanding dengan hanya 58.78% tahun 2007.


**Jadual 4:** Kedatangan Pesakit Luar Mengikut Umur/Jantina dan Kumpulan Etnik, 2008

Kumpulan Etnik	Jumlah Kedatangan										
	<10 tahun		10-19 tahun		20-59 tahun		>=60 tahun		Jumlah		Jumlah Besar
	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	
Melayu	13,994	9,824	4,455	3,573	24,185	46,559	4,448	5,940	47,082	65,896	112,978
Cina	972	667	313	274	2,681	5,000	1,482	2,173	5,448	8,114	13,562
India	473	332	341	227	2,867	4,332	698	950	4,379	5,841	10,220
Kadazan	39	7	0	3	26	73	0	0	65	83	148
Murut	2	0	0	0	7	16	0	0	9	16	25
Bajau	4	10	3	0	11	30	7	0	25	40	65
Melanau	3	4	0	0	2	26	2	0	7	30	37
Iban	25	18	6	3	38	69	0	4	69	94	163
Bidayuh	5	27	0	1	6	22	1	0	12	50	62
Orang Asli Semenanjung	11	4	6	2	23	47	1	2	41	55	96
Peribumi Sabah Lain	0	1	0	5	12	25	2	3	14	34	48
Peribumi Sarawak Lain	7	5	0	2	1	26	0	0	8	33	41
Lain-Lain	199	138	57	37	515	704	54	92	825	971	1,796
Bukan Warganegara Dengan Izin	20	11	52	53	1,013	529	16	18	1,101	611	1,712
Bukan Warganegara Tanpa Izin	76	54	49	37	981	660	27	13	1,133	764	1,897
<b>Jumlah</b>	<b>15,830</b>	<b>11,102</b>	<b>5,282</b>	<b>4,217</b>	<b>32,368</b>	<b>58,118</b>	<b>6,738</b>	<b>9,195</b>	<b>60,218</b>	<b>82,632</b>	<b>142,850</b>

Dari Jadual 4 didapati, jumlah kedatangan tertinggi mengikut kumpulan etnik didahului oleh kumpulan etnik melayu iaitu sebanyak 112,978, diikuti oleh kumpulan etnik cina 13,562 dan ketiga tertinggi ialah dari kumpulan etnik india iaitu seramai 10,220. Dari jadual ini juga dapat dilihat bahawa jumlah kedatangan pesakit luar adalah paling tinggi di peringkat umur 20-59 tahun iaitu sebanyak 90,486 diikuti peringkat umur kurang dari 10 tahun iaitu sebanyak 26,932 orang.


**Rajah 2: Bilangan Kedatangan Pesakit Luar, 2005-2008**

Kedatangan pesakit luar tahun 2008 meningkat mendadak sebanyak 13.67% iaitu sejumlah 142,850 orang berbanding tahun sebelumnya sebanyak 125,667 orang.

**Rajah 3: Kelahiran di HPJ, 2005-2008**


Jumlah kelahiran di HPJ meningkat pada tahun 2008 iaitu sebanyak 5,808 berbanding dengan tahun 2007 seramai 4,900. Perbezaan kelahiran ialah sebanyak 908 atau 18.53%. Tahun 2008 juga mencatatkan kelahiran yang tertinggi jika dilihat dari tahun 2005 hingga ke tahun 2008.

**Rajah 4: Jumlah Pembedahan di HPJ, 2005-2008**




Jumlah keseluruhan pembedahan di HPJ menunjukkan trend peningkatan dari tahun ke setahun. Pada tahun 2007 jumlah pembedahan sebanyak 5,088 dan pada tahun 2008 jumlah pembedahan 5,358. Aliran ini menunjukkan peningkatan sebanyak 270 atau 5.3%

**Rajah 5: Jumlah Pesakit Endokrin bagi Pesakit Luar di HPJ, 2005-2008**



Pada tahun 2008, jumlah pesakit luar bagi pembedahan endokrin meningkat kepada 7,870 berbanding dengan tahun 2007 iaitu 6,960. Kadar peningkatannya ialah 13.07%. Bagi perubatan endokrin tahun 2008 berlaku peningkatan yang mendadak sebanyak 6,023 berbanding 4,052 bagi tahun 2007 atau 48.64%.



**Rajah 6:** Taburan Kedatangan Pesakit Luar ke Klinik Pakar Mengikut Disiplin, 2008

Dari Rajah 6 didapati, disiplin Perubatan Am telah mendahului lain-lain disiplin di mana telah mencatatkan kedatangan sebanyak 27,022 dari 95,866 bilangan kes Klinik Pakar tahun 2008. Kedatangan tertinggi diikuti oleh disiplin Pembedahan Am sebanyak 14,704 dan Obstetrik 11,545. Disiplin Pediatrik, Ortopedik, ENT, Optalmologi, Ginekologi, Psikiatri dan Pembedahan mulut juga telah mencatatkan peningkatan kes jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya.


**Jadual 5:** Sebab-Sebab Utama Kemasukan Pesakit Ke HPI, 2008

Bil.	Sebab-Sebab Utama Kemasukan	Jum. Kemasukan	Peratus (%)
1.	<i>Normal Delivery</i>	5,776	27.1
2.	<i>Neonatal Jaundice</i>	1,074	5.04
3.	<i>Dengue Fever</i>	865	4.06
4.	<i>Pneumonia</i>	736	3.45
5.	<i>Infection and Parasitic Disease</i>	647	3.04
6.	<i>Remainder of Endocrine, Nutritional and Metabolic Disorder</i>	569	2.67
7.	<i>Bronchial Asthma</i>	502	2.36
8.	<i>Gastritis and Duodenitis</i>	495	2.32
9.	<i>Disease of Eye and Adnexa</i>	462	2.17
10.	<i>Disease of Appendix</i>	455	2.14
	<i>Others (All other diseases not classified as above)</i>	9,738	45.65
	<b>Jumlah Besar</b>	<b>21,319</b>	<b>100</b>


**Jadual 6:** Sebab-Sebab Utama Kematian Pesakit di HPJ, 2008

Bil.	Sebab-Sebab Utama Kematian	Jum. Kemasukan	Peratus (%)
1.	<i>Septicemia</i>	36	16.14
2.	<i>Pneumonia</i>	30	13.45
3.	<i>Acute Myocardial Infarction</i>	25	11.21
4.	<i>Cerebral Vascular Disease</i>	16	7.17
5.	<i>Renal Failure</i>	14	6.28
6.	<i>Motor Vehicle Accident</i>	10	4.48
7.	<i>Disease of Digestive System</i>	8	3.59
8.	<i>Malignant neoplasm of Breast</i>	7	3.14
9.	<i>Reminder of Ischaemic Heart Disease</i>	6	2.69
10.	<i>Malignant Neoplasm Digestive System</i>	6	2.69
	<i>Others (All other diseases not classified as above)</i>	65	29.16
	<b>Jumlah Besar</b>	<b>223</b>	<b>100</b>

**Rajah 7:** Jumlah Permohonan Laporan Perubatan HPJ, 2005-2008



Terdapat peningkatan pada jumlah permohonan laporan perubatan tahun 2008 iaitu sebanyak 2,176 laporan berbanding tahun sebelumnya 1,792 laporan di mana perbezaannya sebanyak 384 laporan atau 21.43%

**Rajah 8:** Taburan Penyediaan Laporan Perubatan Mengikut Disiplin

Rajah 8 menunjukkan disiplin Ortopedik telah mencatatkan angka tertinggi dalam penyediaan laporan perubatan pada tahun 2008 iaitu sebanyak 770 dari 2,176 permohonan, menyumbang kepada 35.38% dari penyediaan laporan keseluruhannya. Disiplin Ortopedik telah mendahului lain-lain disiplin sejak tahun 2004. Lain-lain disiplin seperti Pembedahan Am dan Perubatan Am telah mencatatkan peningkatan yang tinggi jika dibandingkan dengan tahun 2007.

### 3.2.2 Program Kepastian Kualiti Laporan Perubatan

Jadual 7 menunjukkan status pencapaian NIA penyediaan laporan perubatan bagi tahun 2008 telah mencatatkan sebanyak 94.76%. Pencapaian hampir sama pada tahun 2007 iaitu 94.75%.

**Jadual 7:** Program Kepastian Kualiti Mengikut Tahun

<i>Performance Achieved (%)</i>					
<i>National Indicator Approach</i>	<i>Standard</i>	<i>2005</i>	<i>2006</i>	<i>2007</i>	<i>2008</i>
Permohonan laporan perubatan, bedah siasat, kes-kes perundangan dan lain-lain isu yang berkaitan dengan pengeluaran laporan dalam tempoh yang ditetapkan.	Kurang dari 4 minggu	94.60%	92.93%	94.75%	94.76%

### 3.2.3 Sistem HMIS E-Reporting

Bermula pada Julai 2007, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengarahkan semua Jabatan Kesihatan Negeri mengumpulkan maklumat statistik daripada Kemudahan Jagaan Perkhidmatan Swasta dan Perkhidmatan Tabung Darah Hospital Kerajaan. Tujuan sistem ini diwujudkan adalah kerana:

- Pihak pengurusan KKM memerlukan maklumat untuk menilai prestasi aktiviti yang dijalankan, memantau program semasa serta merancang pembangunan program pada masa akan datang.
- Sistem Maklumat ini juga akan dapat memberi maklumbalas mengenai tahap pencapaian terhadap sasaran dan norma yang telah ditetapkan dalam penggunaan sumber- sumber yang diperuntukkan.
- Membuat kajian ke atas sistem maklumat yang telah sedia ada di KKM serta mengenalpasti masalah-masalah yang berkaitan seperti berikut;
  - Jurang yang luas di antara pengeluaran/pengutipan data dan penggunaan data dari segi maklumat yang berorientasikan keputusan.
  - Ketidakseimbangan perkembangan berbagai komponen dalam sistem maklumat.
  - Fungsi yang berbeza dengan beberapa sub-sistem maklumat yang berlainan.
- Dalam usaha untuk mengurangkan dan menyelesaikan masalah ini, KKM telah mewujudkan satu sistem maklumat pengurusan kesihatan yang bertanggungjawab untuk menampung keperluan yang kian berubah dari pengguna-pengguna maklumat.

Bagi memenuhi keperluan KKM ini, Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan) telah diberi tanggungjawab untuk mengumpul data-data ini. Bagi Kemudahan Jagaan Perkhidmatan Swasta, pada tahun 2008 sejumlah 45 buah hospital swasta dan rumah bersalin di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya telah diwajibkan untuk menghantar data-data yang diperlukan. Kegagalan pihak swasta menghantar maklumat yang diperlukan akan menjejaskan pembaharuan lesen pihak berkenaan.

Bagi Perkhidmatan Tabung Darah, hanya satu hospital dibawah pentadbiran JKWPKL&P iaitu Hospital Putrajaya. Semua data-data ini diterima oleh Jabatan dalam format E-forms. E-forms yang diterima akan disemak dan dihantar melalui *HMIS E-Reporting System* ke Pusat Informatik Kesihatan, KKM. Pihak KKM boleh menyemak data-data tersebut melalui Sistem 'e-Reporting Portal'.

### 3.3 UNIT KUALITI

Unit Kualiti adalah sebuah unit baru di bahagian perubatan yang telah ditubuhkan pada bulan April 2008. Unit ini adalah dibawah selian Bahagian Perubatan, JKWPKL&P. Unit ini terlibat secara langsung dengan aktiviti *Quality Assurance* (QA) dari Bahagian Kesihatan Awam, Bahagian Pergigian, Bahagian Farmasi dan Hospital Putrajaya. Unit Kualiti dipertanggungjawabkan kepada Ketua Jururawat Raha Math Bivi bt Raja Mohamed pada 1 Ogos 2008.

#### Objektif Umum

- Mengenalpasti pendekatan asas dan langkah-langkah yang dilaksanakan di dalam pelaksanaan QA.

#### Objektif Khusus

- Untuk memperkenalkan prinsip-prinsip yang terkandung di dalam QA serta faedah yang dapat dimanfaatkan dalam pelaksanaan kemudahan kesihatan.
- Untuk memberi pengetahuan dalam proses pelaksanaan dan mengimplemen-tasikan kajian QA dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan.
- Mengenalpasti projek-projek QA yang berpotensi dan berkaitan dengan kemudahan penjagaan kesihatan yang disediakan.
- Memahirkan individu dengan pelbagai kaedah dan teknik yang digunakan didalam kajian QA.
- Mempertingkatkan kualiti iniatif.

#### Jumlah Projek *Quality Assurance* (38 projek kajian DSA/H.S.A)

- a) 14 Klinik Kesihatan Awam
- b) 14 Klinik Pergigian
- c) 7 Projek Hospital Putrajaya
- d) 2 Projek Kajian Bahagian Farmasi
- e) 1 Projek Kajian Bahagian Perubatan

#### Fasilitator yang terlibat :

1. Dr. Supathiratheavy a/p Rasiah
2. Dr. Naim Tan Bin Abdullah
3. Dr. Misliah Bt Ahmad

#### 3.3.1 Aktiviti Kualiti Tahun 2008

Berikut adalah perkembangan semasa aktiviti:

1. Program Peningkatan *Quality Assurance* (QA) JKWPKL&P diadakan seperti berikut:

**Jadual 8:** Program Peningkatan Quality Assurance (QA)

Bil.	Tajuk	Tarikh	Kumpulan Sasaran	Tempat
1.	Kursus QAP	28/4/09 - 29/4/08	Kumpulan Kesihatan Awam JKWPKL&P, Kumpulan Pergigian JKWPKL&P, Hospital Putrajaya	Auditorium Mutiara IPK, Bangsar
2.	Pembentangan QAP	13/5/2008	Kesihatan Awam	Bilik Seminar JKWPKL&P
3.	Pembentangan QAP	27/5/2008	Kesihatan Awam	Bilik Seminar JKWPKL&P
4.	Pembentangan QAP	29/5/2008	Kesihatan Awam	Bilik Seminar JKWPKL&P
5.	Pembincangan QAP	24/6/2008	Kesihatan Awam	Bilik Seminar JKWPKL&P
6.	Pembentangan Projek Kajian QAP	6/8/2008	Pergigian JKWPKL&P	Bilik Mesyuarat JKWPKL&P
7.	Pembentangan Projek Kajian QAP	13/8/2008	Pergigian JKWPKL&P	Bilik Mesyuarat JKWPKL&P
8.	Pembentangan Projek Kajian QAP Hospital Putrajaya	21/8/2008	<i>Hospital Specific Approach</i> (HSA) Hospital Putrajaya	Bilik Seminar 3A Hospital Putrajaya
9.	Pembentangan Projek Kajian QAP	16/9/2008	Kesihatan Awam JKWPKL&P	Bilik Mesyuarat JKWPKL&P
10.	Pembentangan Projek Kajian QAP	12/9/2008	Pergigian JKWPKL&P	Bilik Seminar JKWPKL&P
11.	Mesyuarat Pemilihan Pencalonan <i>First Scientific Meeting For Quality Assurance Public Health Programme</i> , pada 26-29 November 2008, di Kuching Sarawak	25/9/2008	TPK Kesihatan Awam TPK Farmasi TPK Pergigian	Bilik Mesyuarat Bahagian Perubatan JKWPKL&P

### 3.3.2 Perancangan Aktiviti QA Tahun 2009

**Jadual 9:** Perancangan Aktiviti QA 2009

Bil.	Aktiviti	Tarikh/Tempoh	Tempat
1.	Pembentangan QAP Bahagian Kesihatan Awam	Pertengahan Bulan Mac	JKWPKL&P
2.	Pembentangan QAP Bahagian Pergigian	Awal Bulan April	JKWPKL&P
1.	QA Konvensyen Peringkat Wilayah	Bulan Mei	JKWPKL&P
2.	QA Peringkat Kebangsaan	19-21hb. Oktober 2009	Kuching, Sarawak

Mesyuarat dan pembentangan projek-projek QA Hospital Putrajaya, Bahagian Pergigian dan Bahagian Kesihatan Awam akan dijalankan berterusan untuk memastikan projek ini dapat dilaksanakan pada tahun 2009.

## 3.4 UNIT KAWALAN AMALAN PERUBATAN SWASTA (UKAPS)

Unit Kawalan Amalan Perubatan Swasta (UKAPS) ditubuhkan pada Mei 2003 di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya

Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586) dan Peraturan-peraturan 2006 telah dikuatkuasakan pada 1 Mei 2006 dan salah satu tujuan untuk melaksanakan ini adalah untuk memastikan keselamatan dan kesihatan semasa mendapatkan rawatan yang disediakan di kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta.

Aktiviti-aktiviti bawah UKAPS adalah pendaftaran klinik-klinik swasta, pembaharuan pelesenan untuk lain-lain kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta, penguatkuasaan dan menyiasat aduan-aduan terhadap semua Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta.


### 3.4.1 Perlesenan

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) mempunyai 48 kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta yang terdiri dari 25 buah hospital swasta (termasuk 3 hospital baru), 18 buah rumah bersalin, 3 buah rumah jagaan kejururawatan dan 2 buah pusat telinga, hidung dan tekak (THT).

**Jadual 10:** Jenis Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta di JKWPKL&P

Bil.	Jenis KJKS	Bilangan KJKS
1.	Klinik Perubatan Swasta	990
2.	Klinik Pergigian Swasta	273
3.	Hospital Swasta	48
4.	Pusat Jagaan Ambulatori	17
5.	Pusat Hemodialisis	31
6.	Tabung Darah <i>Cord</i>	2

**Rajah 9:** Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta yang perlu dilesenkan



**Jadual 11:** Aktiviti Pelesenan, 2008

Bulan	Jumlah permohonan diterima	Jumlah pemeriksaan premis	Jumlah lawatan semula	Jumlah laporan permohonan dihantar ke KKM
Januari	1	-	1	1
Februari	1	-	-	-
Mac	2	-	-	-
April	1	1	-	-
Mei	-	2	-	1
Jun	1	2	-	3
Julai	3	2	-	1



**Jadual 11:** (Samb.)

Bulan	Jumlah permohonan diterima	Jumlah pemeriksaan premis	Jumlah lawatan semula	Jumlah laporan permohonan dihantar ke KKM
Ogos	1	1	-	1
September	2	1	-	1
Oktober	2	1	-	1
November	3	1	-	1
Disember	2	2	-	3
<b>Jumlah</b>	<b>19</b>	<b>13</b>	<b>1</b>	<b>13</b>

Sehingga tahun ini, sebanyak 19 permohonan telah diterima, 13 premis telah dipantau dan sebanyak 13 laporan telah di kemukakan ke KKM untuk pemprosesan pembaharuan lesen. Kebiasaannya kelewatan pemantauan disebabkan oleh permohonan yang tidak lengkap seperti kekurangan dokumen sokongan.

### 3.4.2 Aduan

**Jadual 12:** Aduan ke atas Hospital dan Klinik Swasta, 2008

Bulan	Hospital Swasta	Klinik Swasta	Lain-lain
Januari	2	3	-
Februari	-	1	-
Mac	1	3	1
April	1	4	1
Mei	-	1	-
Jun	-	1	-
Julai	-	3	1
Ogos	1	1	1
September	-	-	-
Oktober	1	3	1
November	-	2	1
Disember	1	1	-
<b>Jumlah</b>	<b>7</b>	<b>22</b>	<b>7</b>

Aduan-aduan ini diterima dari orang awam, Bahagian Amalan Perubatan, Majlis Perubatan Malaysia (MMC), Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan lain-lain badan yang berkenaan. Aduan ini adalah berkenaan dengan klinik perubatan, klinik pergigian dan hospital swasta. Penyiasatan telah dilakukan di premis-premis yang terlibat di atas arahan Bahagian Amalan Perubatan dan MMC dan Pengarah JKWPKL&P (Jadual 12).

Sepanjang tahun 2008, UKAPS menerima 7 aduan terhadap hospital swasta dan 22 aduan terhadap klinik swasta dan 7 aduan atas Perubatan Tradisional Komplementari dan lain-lain. UKAPS juga telah melakukan risikan verifikasi ke atas 29 buah klinik swasta. Selain daripada itu 1 kes telah dibawa ke mahkamah untuk perbicaraan.

**Jadual 13:** Kursus yang dianjurkan oleh UKAPS Bahagian Perubatan

Tarikh	Peserta	Klinik
16. Februari 2008	52	45
16 Ogos 2008	54	38
20 September 2008	63	49
15 November 2008	51	32
<b>Jumlah</b>	<b>230</b>	<b>164</b>
Purata kehadiran peserta = 98%		

- i) Kursus Kawalan Infeksi & Penyimpanan Vaksin Untuk Pembantu Klinik Swasta.
- ii) Kursus Penyediaan Laporan Aduan & Penyiasatan Untuk Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan & Majlis Perubatan Malaysia pada 17-19 November 2008.
- iii) Kursus “*Safety Management System In Hospitals*” pada 2-4 Disember 2008.

**Gambar 1:** Kursus-kursus anjuran UKAPS Bahagian Perubatan



Kursus Penyediaan Laporan Aduan dan Penyiasatan.



Kursus “*Safety Management System In Hospitals*”.

### 3.5 UNIT PERLINDUNGAN PERUBATAN


Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan semua urusan perlindungan perubatan (*medical coverage*) yang diperlukan atau dipohon oleh semua agensi kerajaan dan swasta samada di peringkat antarabangsa, kebangsaan ataupun tempatan. Arahan tersebut telah dibuat oleh Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia (Perubatan), Kementerian Kesihatan Malaysia yang merujuk surat bil. (103) KKM 87 (A 70/101/2) Bhg. 7 bertarikh 23 Jun 2007. Unit ini terdiri 4 anggota yang terdiri dari 2 orang Penolong Pegawai Perubatan U32 yang telah diberi tanggungjawab untuk mengendalikan semua urusan perlindungan perubatan yang dipohon dan dibantu oleh 2 orang pembantu tadbir N17.

**Jadual 14:** Jumlah Aktiviti dan Hospital yang terlibat dengan Pasukan Perlindungan Perubatan, 2008

Bil.	Nama Hospital	Jumlah Aktiviti
1.	Hospital Kuala Lumpur	135
2.	Hospital Selayang	48
3.	Hospital Ampang	38
4.	Hospital Putrajaya	59
5.	Hospital Tengku Ampuan Rahimah	34
6.	Hospital Serdang	43
7.	Hospital Kajang	35
8.	Hospital Sungai Buloh	31
9.	Hospital Banting	15
10.	Hospital Sabak Bernam	5
11.	Hospital Tanjung Karang	6
12.	Hospital Kuala Kubu Baru	6
13.	Lain- lain Hospital	18
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>473</b>

Sepanjang tahun 2008, hospital yang paling tinggi penglibatan dalam penyediaan Pasukan Perlindungan Perubatan ialah Hospital Kuala Lumpur iaitu 28.54% diikuti oleh Hospital Selayang sebanyak 10.15%.

**Rajah 10:** Jumlah Peratusan Mengikut Hospital, 2008




**Jadual 15:** Aktiviti-Aktiviti Perlindungan Perubatan, 2005-2008

Tahun	Mesyuarat	Aktiviti Liputan Perubatan			Jumlah
		Antarabangsa	Kebangsaan	Tempatan	
2005	180	20	14	74	288
2006	250	18	21	90	379
2007	152	45	79	124	400
2008	114	115	213	145	587
<b>Jumlah</b>	<b>696</b>	<b>198</b>	<b>327</b>	<b>433</b>	<b>1,654</b>


Antara aktiviti terbesar pada tahun 2008 yang dikendalikan oleh unit ini ialah Persidangan Majlis Menteri-Menteri Pelajaran Asia Tenggara (Seamec) ke- 43 dan Mesyuarat Menteri-Menteri Pelajaran (ASED) ke-3, “*World Economic Forum On East Asia*”, Persidangan Kongres ICA KL-2008, Majlis Tilawah Al-Quran Kebangsaan, Hari Keputeraan SPB Yang Dipertua Agong dan juga aktiviti tahunan iaitu Operasi Haji Tanah Air 1429/2008M bagi Fasa 1 dan Fasa 2. Sepanjang tahun 2008, sejumlah 587 aktiviti telah dijayakan oleh pasukan perlindungan perubatan berbanding tahun 2007 sebanyak 400 aktiviti. Pecahan aktiviti tersebut adalah seperti berikut iaitu sebanyak 115 aktiviti antarabangsa, 213 aktiviti kebangsaan, 145 aktiviti tempatan dan sebanyak 114 mesyuarat telah dihadiri.

**Rajah 11:** Pecahan Aktiviti dari Januari-Disember, 2008



Sepanjang tahun 2008, aktiviti paling banyak berlangsung ialah pada bulan Ogos sebanyak 36 aktiviti diikuti paling rendah ialah pada bulan Oktober sebanyak 8 aktiviti.

**Rajah 12:** Pecahan Peratusan bagi Aktiviti Liputan Perubahan yang dijalankan, 2008



Mengikut jadual di atas, aktiviti untuk Kebangsaan adalah yang paling banyak berlangsung iaitu 45% diikuti aktiviti Tempatan sebanyak 31% dan aktiviti Antarabangsa sebanyak 24%.

**Gambar 2:** Aktiviti Perubatan, Peringkat Kebangsaan, Tempatan dan Antarabangsa, 2008



Operasi Haji Tanah Air.



54th Commonwealth Paralympic Conference.



Kuala Lumpur International Marathon.

### 3.6 AKTIVITI-AKTIVITI BAHAGIAN PERUBATAN TAHUN 2008

Antara aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Bahagian Perubatan sepanjang tahun 2008 (Jadual 16).

**Jadual 16:** Aktiviti yang dianjurkan oleh Bahagian Perubatan, 2008

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Tempat
1.	Kursus CPR (BLS)	10-11 April 15-16 Mei 22-23 Mei 13-14 Jun 6-7 November 20-21 November 11-12 Disember	Bilik Seminar, JKWPKL&P
2.	Kursus Kawalan Infeksi dan Cara Penyimpanan Vaksin untuk Pembantu Klinik Perubatan Swasta.	16 Februari 16 Ogos 20 September 15 November	Bilik Seminar, JKWPKL&P
3.	Kursus PPK Tahap 1 &2	14-17 April	Bilik Seminar, JKWPKL&P
4.	Kursus ' <i>Quality Assurance</i> '	28-29 April 13 & 15 Mei 27-29 Mei 24 Jun	Bilik Seminar, JKWPKL&P
5.	Kursus Pelupusan Rekod Perubatan	21 Februari	Hospital Kuala Lumpur
6.	Bengkel ECG	26 Mei	Bilik Seminar, JKWPKL&P
7.	Kursus 7S	23 Mei 28 Mei	Bilik Seminar, JKWPKL&P
8.	Kursus Mentor Mentee	22 Mei	Bilik Seminar, JKWPKL&P

### 3.7 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, pencapaian Program Perubatan tahun ini semakin bertambah baik. Kerjasama dari semua anggota Bahagian Perubatan telah memberikan impak yang baik kepada semua pelanggan dan jabatan-jabatan luar. Pertambahan bilangan kakitangan di bahagian ini telah memberi kesan yang baik di mana pengagihan tugas dapat dijalankan dengan lebih teratur dan sistematik. Namun begitu, ada juga cabaran yang dihadapi iaitu kekurangan kakitangan terutama sekali kepada Unit Perlindungan Perubatan yang memberikan sedikit tekanan dan beban kepada anggota. Namun, cabaran ini dapat diatasi dengan adanya anggota yang berdisiplin dan berdedikasi dalam bahagian ini. Pendedahan yang meluas dalam bidang Pengurusan, Teknologi Maklumat dan sikap kepimpinan dan toleransi yang baik adalah penting bagi semua kakitangan dalam menjalankan tugas seharian.